

Mengelak Malaysia import petroleum 10 tahun lagi

BH- 25/7/2007

Oleh Azli Ayob

MALAYSIA sebagai sebuah negara sedang membangun terpaksa menggunakan sumber tenaga yang banyak bagi membangunkan pelbagai sektor ekonominya. Sektor yang menggunakan sumber tenaga paling banyak di negara ini adalah pengangkutan dan perindustrian, diikuti komersial, kediaman dan pertanian.

Mengikut satu kajian, punca tenaga utama bagi memenuhi keperluan pelbagai sektor ekonomi itu adalah produk petroleum, merangkumi 71.4 peratus daripada sumber tenaga yang dibekalkan, diikuti sumber daripada tenaga hidro elektrik (11.6 peratus), gas asli (8.8 peratus), arang batu (7.6 peratus), biomassa (0.5 peratus) manakala 0.1 peratus lagi daripada sumber seperti tenaga wap dan bahan api dibakar.

Justeru, jelas bahawa kita amat bergantung kepada sumber tenaga daripada produk petroleum, meskipun harga bahan api itu semakin hari semakin tinggi, manakala bekalannya tidak akan kekal banyak buat selamanya.

Kurangnya kesedaran mengenai kepentingan penggunaan petroleum secara berhemah mungkin disebabkan negara kita bernasib baik kerana masih mempunyai rizab minyak yang banyak. Malaysia juga tidak perlu mengimport bahan api itu kerana sumber dalam negara mencukupi untuk menampung keperluan domestik.

Menurut Petronas, sehingga 1 Januari lalu rizab minyak negara meningkat kepada 20.18 bilion tong daripada 19.91 bilion tong awal tahun lalu hasil usaha berterusan syarikat minyak kebangsaan itu melaksanakan kerja cari gali termasuk bersama kontraktor perkongsian pengeluarannya (PSC).

Presiden merangkap Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, berkata dalam tempoh itu, rizab minyak mentah dan kondesat meningkat 2.1 peratus kepada 5.36 bilion tong, manakala simpanan gas asli pula meningkat 1.1 peratus kepada 14.82 bilion tong.

Bagaimanapun, Mohd Hassan menegaskan, di sebalik peningkatan jumlah rizab minyak negara, Malaysia memerlukan satu dasar penggunaan tenaga lebih cekap bagi memastikan negara memiliki bekalan mencukupi pada masa depan.

"Jika permintaan domestik terus meningkat empat peratus setiap tahun, Malaysia akan menjadi negara pengimport bersih produk petroleum menjelang 2010 yang bermakna negara tidak boleh lagi mengeksport produknya seperti sekarang," katanya.

Perkara itu, katanya, disebabkan pertumbuhan permintaan domestik melebihi pengeluaran minyak mentah dalam negara. Apabila tidak berupaya lagi mengeksport produk petroleum, ia adalah satu kehilangan besar kepada ekonomi negara.

Bayangkan, Petronas dalam tahun kewangannya yang berakhir 31 Mac 2007 lalu meraih pendapatan eksport minyak berjumlah RM73.4 bilion. Ini merangkumi 12.4 peratus daripada jumlah eksport Malaysia secara keseluruhan.

Seorang ahli ekonomi mengingatkan, jika kadar penggunaan minyak kekal pada tahap kira-kira 650,000 tong sehari seperti sekarang, rizab minyak akan habis dalam tempoh sepuluh tahun akan datang dan Malaysia terpaksa mengimport keperluan minyaknya.

Jika perkara itu tidak diendahkan, kita mungkin akan kehabisan sumber minyak lebih cepat daripada tempoh jangkaan andai kadar penggunaannya di dalam negara terus meningkat. Maka sudah tiba masanya bagi semua pihak, terutama industri tempatan berusaha mengambil langkah proaktif menjimatkan penggunaan tenaga daripada sumber petroleum itu.

Pihak berkuasa pula perlu merangka dasar penggunaan tenaga lebih kondusif manakala rakyat harus dididik supaya menyedari betapa pentingnya menggunakan tenaga secara cekap dalam kegiatan seharian.

Petronas misalnya, sudah mula mengimport gas terutama dari Indonesia sejak 2000 berikutan arahan mengimbangkan rizab domestik. Ini disebabkan permintaan tinggi untuk gas iaitu sebahagian besarnya datang daripada sektor perindustrian dan petrokimia.

Sektor tenaga pula kekal sebagai pengguna gas terbesar, mewakili 62.5 peratus penjualan gas disalurkan menerusi sistem Peninsular Gas Utilisation (PGU). Sektor itu juga menjadi penerima subsidi gas terbesar iaitu berjumlah RM48.8 bilion sejak 1997 hingga Mac tahun ini.

Ini merangkumi subsidi berjumlah RM21.2 bilion yang diterima Tenaga Na-

sional Bhd (TNB) dan RM27.6 bilion diterima pengeluar tenaga persendirian (IPP). Sektor bukan tenaga pula yang merangkumi industri kecil, komersial dan kediaman hanya menerima subsidi berjumlah RM9.4 bilion dalam tempoh yang sama.

Kerajaan juga menanggung beban subsidi yang besar ke atas produk petroleum dan tahun lalu saja, ia berjumlah RM7.3 bilion. Meskipun tahun lalu kerajaan menaikkan harga minyak, ia hanya mampu meraih penjimatan subsidi RM900 juta berbanding jangkakan penjimatan RM4.4 bilion.

Persoalannya, untuk berapa lama lagi kerajaan terpaksa menanggung beban bagi mengekalkan harga petroleum itu? Umum mengetahui, subsidi tidak menggalakkan kecekapan dan pemuliharaan sumber, sekali gus memerlukan penyelesaian.

Malangnya, setiap kali kerajaan mahu menurunkan subsidi, kalangan industri membantah dengan pelbagai alasan. Bagaimanapun keadaan sama tidak berlaku di negara lain. Sudah tiba masanya industri tempatan menggunakan tenaga secara lebih cekap dan produktif.

Apakah pengumuman Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz baru-baru ini bahawa kerajaan akan membuat kajian semula secara menyeluruh dan terperinci terhadap industri gas menunjukkan sudah tiba masanya sektor perindustrian di negara ini mencari kaedah lain meningkatkan daya saing selain bergantung kepada habuan subsidi.

Malah, kerajaan mempunyai alasan tersendiri dalam membuat kajian semula iaitu bagi memastikan sektor perindustrian tidak menerima subsidi berlebihan yang mana akibat daripada amalan itu menggalakkan penggunaan tenaga secara tidak cekap.

Rafidah sendiri menegaskan, kajian semula itu juga perlu bagi memastikan bahan bakar itu digunakan secara lebih cekap dan produktif kerana ada sesetengah industri menggunakannya secara membazir berikutan harganya murah kerana diberikan subsidi tinggi.

Jika pun kerajaan mahu meneruskan pemberian subsidi bagi minyak dan tenaga, ia perlu diberikan hanya kepada golongan sasaran, terutama golongan miskin dalam usaha mencapai pembangunan sosio ekonomi seimbang.